

Kewujudan Pengaruh Siam dalam Dialek Melayu Kedah: Satu Analisis Geolinguistik

Siti Nur Izzaty Salit ^a

snizzaty09@gmail.com

Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

Harishon Radzi ^b

naslin@ukm.edu.my

Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

Siti Noraini Hamzah

snoraini@ukm.edu.my

Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

ABSTRAK

Pengintegrasian bidang geografi dengan linguistik (geolinguistik) membuka satu lembaran baharu dalam dunia penyelidikan. Bidang geolinguistik meneliti taburan, variasi dan perubahan bahasa yang dipengaruhi aspek geografi, hubungan sosial dan perkaitan sejarah di sesuatu kawasan. Perisian *Geographical Information System* (GIS) mampu menunjukkan pembuktian yang lebih jelas dan tepat di dalam memaparkan peta taburan dan penyebaran berdasarkan data linguistik dalam kajian geolinguistik. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menjelaskan fenomena kewujudan pengaruh Siam dalam dialek Kedah di kawasan sempadan Kedah-Thailand dengan mengaplikasikan perisian GIS. Kajian ini mengetengahkan kaedah kualitatif sebagai alat mengumpulkan data dengan menggunakan kaedah temu bual berdasarkan borang soal selidik. Kajian ini juga merupakan sebuah kajian lapangan yang menjadikan responden sebagai sumber data primer. Pengumpulan data melibatkan 600 orang responden mengikut kategori umur remaja (15-25 tahun), dewasa (26-55 tahun) dan warga tua (56 tahun ke atas). Data dikumpulkan merangkumi 60 kampung dan empat buah daerah di Kedah yang bersempadan dengan Thailand, iaitu Kubang Pasu, Padang Terap, Sik dan Baling. Setiap daerah yang bersempadan menunjukkan pola taburan dan penyebarannya yang tersendiri. Hasil kajian menemukan sebanyak 13 varian bunyi dan leksikal bagi menggambarkan perbuatan ‘baling’, iaitu [pungaj], [balin], [punga], [lempaŋ], [taʊʔ], [təŋaləŋ], [hawen], [tudʒu], [taʷʔ], [taʰʊʔ], [məŋkaləŋ], [lɔntaŋ] dan [tʰum]. Dapatan kajian turut dikukuhkan dengan perincian faktor persempadanan, topografi dan penghijrahan yang menyebabkan fenomena ini berlaku. Kesannya, pengaruh bahasa Thai mula berasimilasi dengan bahasa dan dialek Melayu.

Kata kunci: GIS; pengaruh Siam; dialek Kedah; geolinguistik; sempadan

^a Penulis utama

^b Penulis koresponden

The Existence of Siamese Influence in the Kedah Malay Dialect: A Geolinguistic Analysis

ABSTRACT

The integration of the field of geography with linguistics (geolinguistics) opens a new chapter in research. The field of geolinguistics examines the distribution, variation, and language change influenced by geographical aspects, social relations, and historical connections in an area. The Geographical Information System (GIS) software provides clearer and more accurate evidence in mapping distribution and dispersion based on linguistic data in geolinguistics research. This study aims to explain the influence of Siamese elements on the Kedah dialect in the Kedah-Thailand border area using GIS. This study emphasizes qualitative methods as a tool for data collection using interviews based on questionnaires. It also includes fieldwork with respondents as primary data sources. Data collection involved 600 respondents, categorized by age into adolescents (15-25 years), adults (26-55 years), and the elderly (56 years and above). The data covered 24 villages across four border districts in Kedah: Kubang Pasu, Padang Terap, Sik, and Baling. Each of these border districts exhibits its unique distribution patterns. The study found 13 phonetic and lexical variants to describe the act of 'baling' throw, namely [punga], [balin], [punga], [lempaŋ], [taoʔ], [təŋalon], [hawen], [tudzu], [taʷʔ], [taʰʷʔ], [məŋkalon], [lontaŋ], and [tʰum]. The findings are further supported by detailed considerations of boundary factors, topography, and migration that have contributed this phenomenon. Consequently, the influence of the Thai language has begun to assimilate with the Malay language and Malay dialects.

Keywords: GIS; Siamese influence; Kedah dialect; geolinguistics; border

PENGENALAN

Kajian geolinguistik semakin mendapat perhatian daripada sarjana-sarjana sama ada di dalam mahupun di luar negara. Hal ini kerana kajian geolinguistik bersifat multidisiplin. Kajian geolinguistik merupakan kajian yang menghubungkan bidang geografi dengan bidang bahasa. Namun, kajian dalam bidang geolinguistik turut melibatkan bidang-bidang lain misalnya sejarah dan teknologi. Kajian geolinguistik berkait rapat dengan pemetaan, penyebaran dan taburan sesuatu bahasa atau dialek. Kajian geolinguistik menerapkan penggunaan teknologi, iaitu perisian GIS. Kajian geolinguistik berupaya untuk menggabungkan data geografi dan linguistik dengan cara yang interaktif dan visual. GIS ialah satu sistem maklumat yang diguna pakai dalam lingkungan geografi dan bersifat multidisiplin apabila diperluaskan penggunaannya dalam bidang-bidang lain terutamanya dalam konteks bentuk muka bumi. Selain konteks topografi, GIS juga memaparkan konsep persempadanan.

Kedah merupakan sebuah negeri yang bersempadan dengan Thailand. Kedah terletak di utara Semenanjung Malaysia dan mempunyai keluasan sebanyak 9425 kilometer persegi. Menurut Ahmad Zaharuddin Sani (2016), Kedah dikenali sebagai salah sebuah pusat tamadun awal di Semenanjung Malaysia berikutan penemuan tapak arkeologi di beberapa kawasan di Kedah khususnya di Lembah Bujang. Bukan itu sahaja, Kedah juga merupakan sebuah negeri tertua di Tanah Melayu dan Asia Tenggara (Khuarul Nisaaq & Ngui, 2018; Ibrahim, 2008; Khoo, 1983). Kedah terdiri daripada 12 buah daerah merangkumi daerah Baling, Kota Setar, Bandar Baharu,

Kuala Muda, Kubang Pasu, Kulim, Pulau Langkawi, Padang Terap, Pendang, Pokok Sena, Yan Sik. Daerah-daerah yang bersempadan dengan Thailand ialah Kubang Pasu dan Padang Terap di sebelah utaranya manakala Sik dan Baling masing-masing di sebelah timur dan tenggaranya.

Selain masyarakat Melayu, Cina dan India, di Kedah juga terdapat masyarakat berketurunan Siam. Masyarakat Siam merupakan golongan minoriti bukan sahaja di Malaysia, malah penduduk minoriti di Kedah juga. Hal ini dapat dilihat menerusi jumlah masyarakat etnik Siam di Malaysia, iaitu seramai 43071 orang atau kira-kira 0.13% daripada jumlah keseluruhan penduduk Malaysia manakala masyarakat Siam di daerah bersempadan, iaitu Kubang Pasu, Padang Terap, Sik dan Baling pula masing-masing dengan jumlah 2956, 4492, 3252 dan 2002 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Kewujudan masyarakat Siam ini tidak diketahui ramai, khususnya di luar negeri Kedah. Menurut Khuarul Nisaaq dan Ngui (2018), masyarakat Siam merupakan rakyat Malaysia dengan status bumiputera sama seperti masyarakat Melayu.

Kewujudan masyarakat Siam di negara ini bertitik-tolak daripada penaklukan Siam di Tanah Melayu sejak awal abad ke-12 lagi. Tempoh penaklukan Siam di Kedah yang panjang mengakibatkan pemerintah Siam merasakan keadaan sosial Kedah telah sebatikan dengan budaya Siam yang meliputi agama, bangsa dan budaya (Ahmad Zaharuddin Sani, 2016). Sumber-sumber tulisan sejarah seperti *Hikayat Merong Mahawangsa* dan *At-Tarikh Salasilah Kedah* menceritakan penjajahan Siam yang lama dan kejam ke atas Kedah telah menyebabkan rakyat Kedah bangkit dan berganding bahu dengan sultan untuk mengembalikan kedaulatan Kedah. Pelbagai cara telah dilakukan oleh Kesultanan Kedah untuk mempertahankan Kedah. Ahmad Zaharuddin Sani (2016) dan Asmah (2019) menyatakan tindakan Kesultanan Kedah tersebut merangkumi pemberian bunga emas dan bunga perak sebagai ufti kepada Siam, penghantaran tentera dan makanan bagi membantu Siam dalam peperangan dengan Burma serta membantu Siam menyerang wilayah lain. Tidak dilupakan, rakyat Kedah bersama sultan pernah melakukan beberapa siri penentangan menerusi serangan-serangan yang dilancarkan terhadap Siam. Hal ini dapat disimpulkan bahawa Kedah mempertahankan kedaulatannya dengan pelbagai cara sama ada melalui cara diplomasi ataupun cara peperangan.

Seperti yang diketahui, Malaysia dan Thailand mempunyai hubungan yang lama terbina ekoran daripada kedudukan kedua-dua negara ini yang bersempadan dan catatan sejarah panjang. Lantaran itu, pengaruh antara satu negara dalam negara yang lain tidak dapat disangkal lagi terutamanya dalam negara-negara yang bersempadan. Catatan sejarah menemukan bahawa beberapa kawasan pernah menjadi taklukan atau sebahagian daripada negara yang lain. Misalnya, Perlis dan Satun (dulu Setol) merupakan sebahagian dari kerajaan Kedah sebelum campur tangan Siam (Asmah, 2019). Pengaruh ini dapat dilihat menerusi perspektif bahasa, budaya, agama, ekonomi dan sebagainya.

PERNYATAAN MASALAH

Sempadan Kedah-Thailand merupakan kawasan yang memperlihatkan konteks hubungan antara dialek Melayu Kedah dan bahasa Thai. Fenomena percampuran linguistik ini berlaku akibat faktor sejarah, persempadanan dan komunikasi sosial yang berterusan antara kedua-dua masyarakat tersebut. Walaupun kewujudan pengaruh Siam dalam dialek Melayu Kedah sudah lama dibincangkan, kajian-kajian terdahulu masih belum dapat menghasilkan pemetaan yang sistematik dan penghuraian yang mendalam. Kajian dialek sebelum ini lebih bertumpu kepada pemerian variasi sebutan dan leksikal secara umum dalam dialek Melayu Kedah tanpa memberikan

perhatian kepada faktor geolinguistik yang mempengaruhi sebaran ciri-ciri bahasa Thai di kawasan sempadan. Tambahan pula, kebanyakan kajian terdahulu tidak menggunakan teknologi pemetaan moden seperti GIS untuk menganalisis sebaran linguistik secara lebih empirikal dan tepat. Ketidadaan pemetaan geodialek yang beraplikasikan GIS menyebabkan kesimpulan tentang fenomena ini masih bersifat deskriptif dan kurang mampu menunjukkan pola sebaran dan faktor geografi yang mempengaruhi perubahan dialek di kawasan sempadan.

Selain itu, kajian sedia ada yang membincangkan hubungan antara dialek Melayu Kedah dan pengaruh bahasa Thai sering kali berfokus pada satu daerah sahaja, walhal daerah-daerah lain turut berpotensi memaparkan pola asimilasi dialek yang berbeza. Kajian terdahulu juga kurang membahaskan faktor migrasi, perkahwinan campur dan ekonomi merentasi sempadan yang boleh memainkan peranan penting dalam penyebaran pengaruh Siam dalam dialek Melayu Kedah. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis kewujudan dan penyebaran pengaruh Siam dalam dialek Melayu Kedah menggunakan pendekatan geolinguistik dan teknologi GIS bagi mengisi jurang kajian lepas. Kajian ini akan melihat variasi bunyi dan leksikal yang dipengaruhi oleh bahasa Thai serta menghubungkannya dengan aspek geografi, sejarah dan sosial. Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran yang lebih komprehensif mengenai fenomena ini.

Bukan itu sahaja, kajian geolinguistik ini juga menghasilkan beberapa sumbangan dalam bidang linguistik antaranya menggabungkan teknologi dan linguistik khususnya untuk memetakan penyebaran bahasa serta memberikan pemahaman yang lebih visual dan tepat tentang taburan linguistik. Tambahan pula, kajian geolinguistik turut menunjukkan analisis persempadanan bahasa yang melibatkan faktor sempadan geografi dan hubungan sejarah membentuk identiti linguistik dan asimilasi budaya. Selain itu, kajian geolinguistik ini dapat membantu dalam pemeliharaan warisan bahasa, memahami pengaruh bahasa asing dapat mengekalkan keharmonian budaya di kawasan sempadan dan membantu pembuat dasar untuk merancang bahasa khususnya di kawasan sempadan mengikut keperluan masyarakat di sana.

TINJAUAN LITERATUR

Kajian mengenai dialek Kedah sememangnya telah lama dijalankan oleh sarjana-sarjana misalnya seperti Ismail (1973) dan Asmah (1985). Namun, sejak 10 tahun kebelakangan ini kajian mengenai dialek Kedah telah berevolusi sejajar dengan perkembangan dunia semasa. Sebahagian besar kajian lepas yang membincangkan dialek Kedah namun tidak menemukan pengaruh Siam dalam dapatan kajian tersebut. Hal ini dapat dilihat dalam kajian Nurmiza Zulaikha et al. (2023), Nur Husnina (2022), Mashetoh et al. (2021), Shahidi et al. (2020), Fazal Mohamed dan Nur Affika (2020), Darwalis et al. (2019), Harishon et al. (2018) serta Nurul Shahida dan Maslida (2015). Sebagai contoh, kajian Nur Husnina (2022) serta Nurul Shahida dan Maslida (2015) masing-masing dilakukan di Yan dan Kota Setar. Wajarlah kedua-dua kajian ini tidak menemukan pengaruh Siam kerana kedua-dua tersebut bukanlah kawasan yang bersempadan dengan Thailand. Selanjutnya, ada juga kajian yang mengkaji pemahaman responden terhadap dialek Kedah dengan menyediakan soalan dalam dialek Kedah dan jawapan perlu diberikan dalam bahasa Melayu standard. Misalnya, dalam kajian Mashetoh et al. (2021) dan Harishon et al. (2018). Perkara ini berbeza dengan kajian yang dilakukan dalam aspek lokasi dan soalan kajian.

Selain itu, ada juga kajian lepas yang mengkaji dialek Melayu Siam di Kedah, contohnya kajian Wan Khairulhusna dan Mohd Sharifudin (2019), Nurul Atikah dan Sa'adiah (2018) serta kajian Muhammad Anas (2016). Kajian-kajian ini memberi penumpuan dalam membincangkan

struktur bahasa dan fenomena sosiolinguistik dialek Siam di Kedah. Meskipun kajian-kajian lepas dilakukan di daerah yang sama dengan kajian ini, namun fokus dan objektif kajian berbeza. Kajian ini berfokuskan kepada pengaruh Siam dalam dialek Melayu Kedah manakala kajian-kajian lepas mengkaji dialek Melayu Siam secara khusus di Kedah. Kriteria pemilihan responden juga berbeza, iaitu kajian ini memilih responden berbangsa Melayu sebagai subjek kajian manakala kajian-kajian lepas memilih responden berbangsa Melayu Patani.

Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan kecil kajian lepas yang membahaskan kewujudan pengaruh Siam dalam dialek di Kedah. Misalnya seperti dalam kajian Mohd Tarmizi dan Mohamad Khairulanwar (2021) serta Nur Faslin (2015) yang dilakukan di Baling. Dua kajian ini dilihat bersifat tidak menyeluruh kerana melibatkan hanya satu daerah sebagai kawasan kajian sedangkan Padang Terap dan Sik juga merupakan kawasan peralihan dialek Siam di Kedah (Ismail, 1973; Asmah, 1985). Bukan itu sahaja, kajian-kajian ini tidak menunjukkan penyebaran pengaruh Siam dalam dialek Kedah dan tiada sebarang pemaparan peta isoglos dilakukan. Perkara ini menjadikan kajian bersifat tidak mendalam. Penyebaran pengaruh Siam harus dibincangkan terutamanya apabila kawasan kajian melibatkan kawasan yang sinonim dengan unsur Siam. Pemaparan peta isoglos merupakan salah satu elemen penting untuk menandakan sempadan atau variasi dialek yang dipengaruhi unsur Siam. Sempadan bahasa bersifat tidak sama dengan sempadan geografi.

Pemaparan peta dialek dan bahasa berasaskan perisian GIS giat dijalankan oleh sarjana luar dan tempatan. Hal ini dapat dilihat menerusi kajian Udasmoro et al. (2023), Tamma (2022), Villette et al. (2022), al-Rojaie (2021) dan Gunay Aktas et al. (2021). Kajian-kajian ini melibatkan bidang-bidang linguistik seperti dialektologi, sosiolinguistik, etnolinguistik dandialektologi persepsi. Sejak tujuh tahun kebelakangan, sarjana tempatan menjalankan kajian yang melibatkan pemaparan peta dialek di Kedah khususnya, seperti dalam kajian Siti Nur Izzaty et al. (2024), Fazal Mohamed et al. (2021), Nor Hashimah et al. (2019a), Nor Hashimah et al. (2019b), Fazal Mohamed dan Amir Imran (2019) serta Nor Hashimah et al. (2017). Kajian-kajian berasaskan dialek dan teknologi ini mendapati wujudnya pengaruh Siam dalam dialek Melayu Kedah, khususnya pada leksikal dan sebutan perkataan. Pengaruh Siam yang ditemukan ialah unsur dialek Melayu Patani dan dialek Melayu Satun. Kajian-kajian geolinguistik terdahulu menfokuskan negeri-negeri utara secara keseluruhan atau memilih hanya satu daerah tanpa memberi perhatian khusus kepada empat daerah sempadan Kedah-Thailand yang merangkumi Kubang Pasu, Padang Terap, Sik dan Baling. Pengaruh dialek Siam di kawasan-kawasan ini berbeza kerana lokasi sempadan yang unik serta hubungan sosial dan budaya setempat yang lebih kuat dengan masyarakat Thailand.

Selain itu, leksikal dan sebutan kata yang dipengaruhi dialek Siam di kawasan sempadan berbeza dengan daerah lain di Kedah. Kajian geolinguistik diperlukan untuk memahami penyesuaian leksikal dan sebutan kata ini berlaku termasuklah menghuraikan faktor fenomena ini berlaku seperti perpindahan penduduk, perkahwinan campur atau perdagangan rentas sempadan. Oleh yang demikian, fokus kajian adalah untuk meneliti penyebaran, variasi dan faktor geolinguistik di sebalik pengaruh Siam dalam dialek Melayu Kedah di empat buah daerah yang bersempadan dengan Thailand menggunakan perisian GIS. Peta yang dijana oleh perisian GIS menghasilkan garis isoglos yang lebih jitu berikutan salah satu ciri unik dalam perisian ini ialah penggunaan *Global Positioning System* (GPS). GPS berupaya menetapkan titik koordinat yang tepat, justeru peta yang dihasilkan lebih jitu berbanding lakaran peta isoglos manual dalam kajian-kajian dialek Kedah terdahulu.

METODOLOGI KAJIAN

Menurut Nor Hashimah et al. (2021), kajian lapangan merupakan proses pengumpulan data yang perlu dijalankan bagi mendapatkan data di kawasan kajian. Oleh itu, kajian ini ialah sebuah kajian lapangan yang mengangkat kaedah kualitatif sebagai kaedah pengumpulan data dan penghuraian bersifat deskriptif. Kaedah kualitatif dilaksanakan dengan mengumpulkan data dialek merangkumi sebutan dan leksikal yang digunakan untuk menunjukkan ‘baling’ dari beberapa kampung yang terdapat dalam kawasan kajian sekali gus membentuk peta penyebaran pengaruh dialek Siam di negeri Kedah, khususnya daerah-daerah yang bersempadan dengan Thailand seperti Kubang Pasu, Padang Terap, Sik dan Baling. Kaedah kualitatif ini merangkumi temu bual (responden bercerita) berdasarkan borang soal selidik. Borang soal selidik berperanan hanya sebagai panduan kepada pengkaji ketika mengendalikan sesi temu bual. Sesi temu bual berlangsung sekitar 10-15 minit untuk setiap responden. Soalan temu bual dibahagikan kepada tiga bahagian yang merangkumi maklumat demografi responden, maklumat topografi kawasan kajian serta cara sebutan dan leksikal yang mewakili kata ‘baling’. Maklumat ini penting bagi membantu proses penganalisan. Penghuraian kajian ini dilakukan melalui analisis deskriptif kerana tidak melibatkan statistik dalam analisis walaupun menggunakan soalan dalam borang soal selidik.

Pemilihan responden dilakukan berdasarkan kaedah NORM yang diusulkan oleh Chambers dan Trudgill (1998), iaitu *Non-Mobile, Older, Rural, Males*. Namun, kajian tidak hanya memilih responden lelaki sahaja sebaliknya responden wanita juga dipilih agar data kajian tidak bersifat bias. Responden juga terdiri daripada beberapa golongan umur yang dikelaskan kepada golongan remaja, dewasa dan warga tua. Golongan remaja bermula dari usia 15 sehingga 25 tahun. Kelas umur yang kedua ialah golongan dewasa, iaitu mereka yang berusia 26 tahun sehingga 55 tahun. Terakhir sekali ialah golongan warga tua yang berusia 56 tahun dan ke atas. Responden dikelaskan kepada beberapa kelas umur kerana kajian ini ingin melihat secara holistik tentang kewujudan pengaruh Siam di kawasan sempadan. Sebelum menemukan calon responden, beberapa kriteria inklusif dan eksklusif ditetapkan. Kriteria inklusif tersebut antaranya ialah responden berbangsa Melayu, berusia 15 tahun dan ke atas, berasal dari kawasan kajian, telah menetap selama 20 tahun di kawasan kajian dan bersedia untuk ditemu bual manakala kriteria eksklusif pula termasuklah calon tidak mampu bertutur dan mendengar dengan jelas, tidak memahami percakapan pengkaji dan meniru sebutan responden lain.

Sebelum memulakan sesi temu bual, pengkaji memperkenalkan diri dan menyatakan tujuan temu bual. Seterusnya, persetujuan telah didapatkan daripada kesemua responden. Responden juga memahami tujuan dan hasil temu bual yang akan digunakan dalam penyelidikan. Bilangan responden ialah 600, iaitu setiap kampung diwakili orang sepuluh orang responden. Kajian ini meneliti fenomena kewujudan pengaruh Siam justeru responden yang dinyatakan sebanyak sepuluh orang setiap kampung memadai selari dengan pernyataan Creswell dan Creswell (2023), iaitu kajian fenomenologi memerlukan sampel dalam lingkungan tiga ke sepuluh.

Kajian lapangan ini melibatkan empat daerah, 60 kampung dengan 600 orang responden yang berada di kawasan kajian. Kesemua kawasan kajian merupakan kawasan yang bersempadan dan berhampiran dengan Thailand. Selain itu, kampung-kampung dipilih berdasarkan perkampungan Melayu atau majoriti penduduk kampung ialah orang Melayu. Hal ini dilakukan agar bersesuaian dengan tujuan kajian, iaitu kewujudan pengaruh Siam dalam dialek Melayu. Kawasan kajian ini dapat dilihat menerusi Rajah 1.



RAJAH 1. Daerah-daerah dalam negeri Kedah

Selain itu, senarai kampung yang menjadi lokasi kajian lapangan juga ditunjukkan dalam Jadual 1. Kampung-kampung yang dipilih merupakan perkampungan Melayu dalam setiap daerah yang bersempadan.

JADUAL 1. Senarai kampung

Senarai kampung yang dijadikan kawasan kajian			
Daerah	Nama Kampung		
Kubang Pasu	Kg. Siam	Kg. Changkat Sentol	Kg. Kubang Chenok
	Kg. Wang Tepus	Kg. Changkat Longan	Kg. Pulau Kecil
	Kg. Wang Perah	Kg. Kuala Jerlun	Kg. Pulau Timbul
	Kg. Temin	Kg. Kubang Menerong	Kg. Tok Mengkula
Padang Terap	Kg. Alor Yoi	Kg. Bagan	Kg. Padang Senai
	Kg. Barokas	Kg. Sg. Batang	Kg. Tanjung
	Kg. Bendang Raja	Kg. Banggol 9	Kg. Tualak
	Kg. Kubang Kenyeng	Kg. Labi	Kg. Pinang
Sik	Kg. Paya Terap		
	Kg. Durian Burung	Kg. Belantik	Kg. Baru Batu Besar
	Kg. Jelutong	Kg. Padang Pulut	Kg. Batu 5
	Kg. Bandar Baru, Beris Jaya	Kg. Gajah Puteh	Kg. Selamat D
Baling	Kg. Gulau	Kg. Charok Pelandok	Kg. Charok Kemuning
	Kg. Seri Belukar	Kg. Selamat	Kg. Charok Puyoh
	Kg. Kota Aur	Kg. Jering	Kg. Charok Pisang
	Kg. Belantik Dalam		
Baling	Kg. Seri Ketangga	Kg. Batu 7	Kg. Bukit Payong
	Kg. Kuala Kedua	Kg. Luar	Kg. Charok Kelian
	Kg. Lenggong	Kg. Weng Luar	Kg. Parit Panjang
	Kg. Pisang	Kg. Weng Dalam	Kg. Surau Bakai
Baling	Kg. Padang Setul	Kg. Tandop	Kg. Seputeh
	Kg. Lalang		

Setelah dikumpulkan, data dibersihkan terlebih dahulu bagi memudahkan proses penganalisan. Pembersihan data melibatkan kaedah rakaman dan kaedah mentranskripsi fonetik menggunakan carta *International Phonetic Alphabet* (IPA). Hal ini bertujuan agar bunyi leksikal lebih mudah dibaca dan difahami. Rakaman suara responden didengar berulang kali sebelum ditranskripsi menggunakan transkripsi fonetik. Data ini dimasukkan dalam *Excel* bagi proses pemaparan data sebelum penjaan peta dilakukan. Contoh data yang dimasukkan dalam *Excel* seperti Rajah 2.

M6									
	A	B	C	D	E	F	G	H	I
1	LEKSIKAL		CUBIT						
2			tfube?	tfobe?	kute	kutej	dji?	getu	met
3	Bil	Daerah							
4		Nama Kampung							
5	BALING								
6	1	Kg. Seri Ketengga, Siong	tfube?		kute			getu	
7	2	Kg. Pisang, Kupang	tfube?	tfobe?	kute				
8	3	Kg. Padang Setul, Tawar	tfube?		kute		dji?		met
9	4	Kg. Batu 7, Baling	tfube?	tfobe?	kute		dji?		
10	5	Kg. Bukit Payong, Bongor	tfube?		kute	kutej	dji?		
11	6	Kg. Surau Bakai, Bakai		tfobe?	kute				met
12									
13									


RAJAH 2. Data yang dimasukkan dalam Excel

Selanjutnya, perisian GIS akan digunakan sebagai alat pemetaan dialek. Perisian GIS ini mampu membuktikan aspek bentuk muka bumi dan aspek persempadanan sebagai faktor kewujudan pengaruh dialek Siam di kawasan kajian. Dalam kajian ini, teknik yang digunakan dalam perisian GIS ialah teknik *choropleth* dan *interpolation*. Menurut Siti Noraini (2017), teknik *interpolation* digunakan untuk menghasilkan peta isoglos bagi leksikal dialek manakala teknik *choropleth* digunakan bagi memaparkan peta taburan varian leksikal. *Choropleth* ialah penggambaran data berupa warna yang bertingkat atau kerapatan garis yang berbeza dan juga penggunaan simbol-simbol berbeza (Siti Noraini, 2017). Dalam kajian ini, data variasi leksikal diwakili oleh nama kampung dalam daerah-daerah di Kedah yang bersempadan dengan Thailand dimasukkan dan diaplikasikan menerusi perisian GIS ini. Selepas penjaan peta daripada perisian GIS, analisis deskriptif kualitatif dilakukan.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN


Kata kerja merupakan kata yang mengungkapkan sesuatu tindakan atau perbuatan. Menurut Kamus Dewan Perdana (2020), kata kerja ialah kata yang menyatakan sesuatu perbuatan atau keadaan subjek. Kata kerja termasuk dalam salah satu kelas kata utama dalam sistem bahasa. Kamus Dewan Perdana (2020) mendefinisikan ‘baling’ sebagai perbuatan melepaskan sesuatu yang dipegang ke arah seseorang atau sesuatu dengan cepat dan kuat. Menurut Abdullah dan Ainon (2002), ‘baling’ diertikan sebagai buang, campak, humban, lempar, lontar dan tauk. ‘Baling’ atau ‘membaling’ diperihalkan sebagai ‘melempar, mencampak, membuang, menghumban, melontar dan melesing’ menurut Tesaurus Bahasa Melayu Dewan Bahasa (2005).

Menurut Khairul Ashraaf et al. (2022), bahasa tidak mampu hadir dalam bentuk yang bebas bervariasi. Bahasa itu sendiri tertakluk dengan peraturan atau syarat-syarat dalam sistemnya seperti fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik. Rajah 3 menunjukkan sejumlah 13 varian leksikal bagi ‘baling’ yang ditemukan di daerah Kubang Pasu, Padang Terap, Sik dan Baling. Penjelasan bagi setiap varian ini turut dibincangkan, sekali gus memperlihatkan bahawa varian-varian ini tidak berubah secara bebas tanpa syarat.



RAJAH 3. Senarai variasi yang ditemukan

Rajah 4 menunjukkan peta taburan varian yang ditemukan bagi menggambarkan perkataan ‘baling’ di kawasan sempadan Kedah-Thailand, iaitu Kubang Pasu, Padang Terap, Sik dan Baling.



RAJAH 4. Peta taburan pengaruh Siam di kawasan sempadan Kedah-Thailand

Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4, penggunaan [punggaj] merupakan varian yang tertinggi digunakan untuk merujuk leksikal ‘baling’. Responden dari 60 kampung yang meliputi daerah yang bersempadan dengan Thailand menggunakan varian ini. Manakala penggunaan [balin] pula digunakan oleh responden di semua kawasan kecuali sebahagian kawasan di daerah Padang Terap dan Sik. Bagi [punga] pula, varian ini digunakan oleh responden di kawasan Padang Terap, Sik dan Baling. Seterusnya, varian [lempas] dituturkan oleh penutur di Kubang dan Padang Terap serta sebahagian kecil kawasan di Sik dan Baling. Varian [tas?] ditemukan di semua daerah yang bersempadan dengan Thailand kecuali daerah Sik. Bagi varian [tarjalon], pula dituturkan di dua daerah sahaja, iaitu Kubang Pasu dan Padang Terap. Selain itu, varian [tudu] digunakan oleh penduduk di kawasan Kubang Pasu dan Baling. Varian-varian seperti [hawen], [tah?],

[məŋkalɔŋ], [lɔntaʃ] dan [tʰum] hanya ditemukan di daerah Kubang Pasu sahaja. Penggunaan varian [taʷʔ] digunakan oleh responden yang berada di daerah Baling sahaja.

Bukan itu sahaja, kajian juga mendapati bahawa penggunaan kata bagi ‘baling’ di daerah-daerah ini menunjukkan kepelbagaian dengan adanya varian daripada perkataan asli dialek Kedah, varian dalam bahasa Melayu standard dan varian yang mempunyai pengaruh Siam. Hal ini dapat dilihat menerusi varian [balin] yang datang daripada bahasa Melayu standard, iaitu /baling/. Varian /balin/ ini mengalami keselarasan konsonan daripada /ng/ kepada /n/ apabila didahului dengan vokal /i/ di lingkungan akhir kata sejajar dengan pendapat Asmah (2015). Perkara ini disokong dengan pernyataan Mohd Tarmizi & Mohamad Khairulanwar (2021), iaitu bunyi nasal palatal /ng/ hanya akan hadir pada posisi awal kata dan tengah kata dalam dialek Kedah.

Varian kedua pula ialah [hawen]. Varian ini adalah varian yang terdapat dalam dialek Kedah seperti yang tercatat dalam Kamus Dewan Edisi Ke-4 (2007), iaitu /hawing/. Hal yang sama berlaku dalam varian ini, iaitu mengalami keselarasan konsonan /ng/ kepada /n/. Di samping itu, konsonan nasal /ng/ tidak boleh menempati posisi akhir kata dalam dialek Kedah. Varian ini didefinisikan sebagai membaling sesuatu dengan mengayunnya terlebih dahulu. Varian ini digunakan oleh penutur di daerah Kubang Pasu dan Padang Terap. Varian yang seterusnya ialah varian [pungqaj] yang merupakan varian standard dalam dialek Kedah seperti diperakukan dalam Kamus Dewan (2007). Varian ini ditemukan hampir di keseluruhan daerah dalam Kedah yang bersempadan dengan Thailand dan varian ini menunjukkan bahawa semua penutur dialek di kawasan kajian menggunakan varian ini dalam percakapan seharian mereka.


Selanjutnya, varian [lempaʃ] berasal daripada perkataan dalam bahasa Melayu standard, iaitu /lempar/. Konsonan getaran /r/ di akhir kata digantikan dengan konsonan frikatif faring /ʃ/ seperti yang dipersetujui oleh Ismail et al. (2015) dan Darwalis et al. (2019). Hal ini membuktikan dari segi fonologinya bahawa varian [lempaʃ] merupakan sebutan dalam dialek Kedah. Hal yang sama ditemukan dalam varian [lɔntaʃ]. Varian ini berasal daripada perkataan /lontar/ dalam bahasa Melayu standard. Varian ini turut mengalami penggantian konsonan /r/ kepada /ʃ/ seperti yang dibincangkan oleh Asmah (2015). Hasil kajian mendapati bahawa varian ini dituturkan oleh penutur di Kubang Pasu sahaja. Varian yang ke-6 ialah varian [tudʒu]. Varian ini merupakan leksikal asli dalam dialek Kedah sebagai mana yang telah disahkan oleh Ismail et al. (2015). Varian ini digunakan di daerah Kubang Pasu dan Baling.

Selain itu, varian [təŋɔlɔŋ] dan [məŋkalɔŋ] turut didapati sebagai varian yang dituturkan oleh responden di kawasan kajian. Kedua-dua varian ini bukanlah variasi daripada salah satunya. Kedua-dua varian ini diperakukan dalam tulisan Ismail et al. (2015). Kedua-dua varian ini digunakan di daerah Kubang Pasu sahaja selain varian [təŋɔlɔŋ] mencatatkan penggunaan tertinggi di Kubang Pasu. Ismail et al. (2015) berpendapat [təŋɔlɔŋ] bermaksud perbuatan membaling dengan kayu atau batu manakala [məŋkalɔŋ] pula didefinisikan sebagai membaling dan menggunakan kayu atau batu dan seumpamanya ke arah sasaran yang agak jauh dan tinggi. Varian yang seterusnya ialah varian [taʷʔ] yang merupakan perkataan asli dalam dialek Kedah seperti disahkan oleh Kamus Dewan Edisi Ke-4 (2007). Varian ini digunakan hampir sepenuhnya oleh penutur yang berada di daerah Kubang Pasu.

Seterusnya, varian [taʰʷʔ] turut ditemukan dalam kajian ini. Varian ini merupakan salah satu varian yang telah berasimilasi dengan dialek setempat, iaitu varian [taʷʔ]. Varian ini juga membuktikan kewujudan pengaruh Siam apabila mengikuti syarat fonologi dalam dialek Melayu Siam, iaitu kehadiran konsonan hembusan /h/. Hal ini sejajar dengan pendapat Ruslan (2011) yang mengatakan bahawa perilaku fonologi hembusan /h/ berlaku kerana peminjaman daripada bahasa Thai. [taʷʔ] merupakan varian yang ke-11 ditemukan di kawasan kajian, khususnya di daerah

Baling, Kedah. Varian ini juga merupakan varian yang berasimilasi dengan varian [taʔ]. Varian ini menunjukkan ciri asli bahasa Thai, iaitu kehadiran vokal /a/ sebelum konsonan diakritik labialisasi /w/ seperti yang dinyatakan oleh Fippinger dan Fippinger (1970) serta deretan konsonan /w/ di posisi tengah kata yang boleh bergabung dengan konsonan lain termasuklah konsonan hentian /ʔ/ menurut Pittayaporn (2009). Varian [taʔ] menandakan kemasukan pengaruh Siam dalam dialek Kedah. Varian yang seterusnya ialah varian [pungə]. Varian ini datangnya daripada bahasa Melayu Siam. Hal ini dibuktikan dengan penulisan dalam laman sesawang *Suara Rakyat Patani @ SURAT* yang mengetengahkan sejarah dan realiti terkini masyarakat Patani di Selatan Siam. Varian yang terakhir ialah [tʰum]. Varian ini merupakan perkataan asli dari bahasa Thailand, iaitu /ทุ้ม/ yang bermaksud membaling atau melontar seperti yang tercatat dalam Kamus Thai oleh Slayden (n.d). Perkataan dalam bahasa Thai ini mempunyai ciri yang terdiri daripada monosilabik, bernada dan mempunyai fitur hembusan. Ciri-ciri ini pernah dibincangkan oleh sarjana seperti Ruslan (2011) dan Nor Hashimah et al. (2019a).

Selain memerihalkan kepelbagaian varian sesuatu dialek berdasarkan aspek fonologi, morfologi, leksikal, sintaksis dan semantik, kajian dialek turut melibatkan penghasilan peta dialek yang turut dikenali sebagai peta penyebaran ciri-ciri linguistik (Shahidi et al., 2024). Oleh itu, peta penyebaran pengaruh Siam di kawasan sempadan Kedah-Thailand merangkumi daerah Kubang Pasu, Padang Terap, Sik dan Baling dapat dilihat menerui Rajah 5.



RAJAH 5. Peta isoglos pengaruh Siam di kawasan sempadan Kedah-Thailand

Hasil pemetaan daripada perisian GIS mendapati bahawa setiap daerah di Kedah yang bersempadan dengan Thailand memperlihatkan kewujudan pengaruh Siam dalam dialeknya. Perkara ini bertepatan dengan pendapat yang dikemukakan oleh Asmah (2015), iaitu dialek Utara itu terdiri dari beberapa subkawasan antaranya ialah subkawasan Lembah Kedah-Seberang Perai yang membentang dari Kubang Pasu ke Bandar Baharu dan selatannya dari pantai barat ke Baling serta subkawasan sempadan yang membentang dari Padang Besar ke arah timur dan selatan meliputi Padang Terap dan Sik. Kesimpulan yang didapati ialah faktor sempadan memainkan peranan yang penting dalam penyebaran sesuatu bahasa atau dialek tersebut. Berdasarkan Rajah 5, kebanyakan kawasan kajian masih lagi mengutamakan dialek Kedah standard sebagai medium komunikasi harian penduduknya. Hal ini dapat dilihat menerusi kawasan yang ketiadaan pengaruh Siam di dalamnya lebih luas berbanding kawasan yang mempunyai pengaruh Siam.

Kawasan yang mempunyai pengaruh Siam di Kubang Pasu dan Padang Terap dikelilingi oleh bentuk muka bumi yang bergunung-ganang dan berbukit-bukau. Jadi, hal ini menyebabkan pengaruh Siam itu tidak tersebar ke kawasan yang lain. Menurut Nor Hashimah (2015), petempatan masyarakat Patani adalah di lereng bukit dan gunung kerana faktor keselamatan pada dahulunya. Perkara ini menunjukkan bahawa keadaan muka bumi yang bergunung-ganang dan bertanah tinggi memberi pengaruh besar kepada penyebaran dialek. Sama juga halnya yang berlaku di daerah Sik. Pengaruh Siam tidak meliputi semua kawasan di Sik kerana terbatas dengan faktor topografi. Hasilnya, kawasan tersebut menggunakan dialek Kedah sepenuhnya. Di Kubang Pasu, kawasan yang menunjukkan kewujudan pengaruh Siam hanya sebahagian kecil sahaja dan melibatkan kawasan-kawasan yang berasingan. Kawasan-kawasan tersebut melibatkan Kampung Kubang Chenok dan Kampung Pulau Kecil. Bentuk muka bumi yang berbukit di sekeliling dua kampung ini menghalang pengaruh Siam daripada tersebar ke kawasan berdekatan. Perkara ini dapat dilihat menerusi kedudukan Bukit Wang, Bukit Telaga, Guar Buluh Nipis, Padang Buluh Nipis, Bukit Kecil dan Bukit Jepun yang mengelilingi kampung-kampung ini telah membataskan dua kawasan yang mempunyai pengaruh Siam daripada menjadi satu kawasan yang sama. Kehadiran permukaan bumi sebegini juga menghalang daripada dialek Kedah tersebar ke kawasan ini. Perkara ini mengesahkan bahawa aspek geografi merupakan salah satu faktor yang mengurangkan percampuran dialek tempatan dengan dialek Siam, sekali gus membantu dalam mengekalkan ciri asalnya.

Lain pula halnya dengan daerah Padang Terap. Daerah ini menggambarkan kehadiran pengaruh Siam dalam dialek Kedah semakin meluas khususnya di Kampung Sungai Batang, Kampung Banggol 9 dan Kampung Padang Senai. Hal ini dapat dilihat menerusi Rajah 5 yang memaparkan kawasan pengaruh Siam terbahagi kepada empat kawasan iaitu, di sebelah baratnya, di sebelah timurnya, di sebahagian besar belah selatannya dan di kawasan tengah daerah Padang Terap. Kawasan-kawasan ini dipisahkan oleh permukaan bumi yang berbukit-bukau. Sebagai contoh, Bukit Siring, Bukit Jelapang dan Bukit Sapi menghalang kawasan ini daripada menyebarkan pengaruh Siam dalam dialek Kedah yang dituturkan secara meluas di negeri ini. Di bahagian tengah daerah Padang Terap, telah ditutupi dengan Bukit Batu Hitam, Bukit Rasau, Bukit Sangsat, Bukit Kepah dan bukit-bukit lain. Perkara ini telah mengakibatkan pengaruh Siam di kawasan ini tidak tersebar ke kawasan-kawasan lain.

Berbeza dengan daerah Sik. Sik merupakan satu-satunya daerah yang menunjukkan kewujudan pengaruh Siam yang dominan. Kawasan ini bermula dari bahagian selatan Padang Terap yang bersempadan dengan utara Sik sehinggalah ke bahagian timurnya serta bahagian selatan Sik. Di bahagian barat Sik menunjukkan ketiadaan pengaruh Siam di situ berikutan terhalang dengan Bukit Gajah Puteh, Bukit Berapit, Bukit Dedap, Bukit Mat Ghani dan Bukit

Gading. Kehadiran Bukit Teroil telah membatasi kawasan di sekelilingnya untuk menerima pengaruh Siam. Pengaruh Siam dikesan menerusi Kampung Jelutong, Kampung Seri Belukar, Kampung Kota Alur dan Kampung Baru Batu Besar.

Fenomena kewujudan pengaruh Siam di Baling sama dengan keadaannya di Padang Terap. Disebabkan daerah Baling bersempadan dengan daerah Sik dan tidak dipisahkan dengan kehadiran bukit-bukau, jadi sempadan antara dua daerah ini memperlihatkan pengaruh Siam di Kampung Lenggong dan Kampung Parit Panjang yang berada di dalam daerah Baling. Misalnya, di sebelah utara daerah Baling terdapat kira-kira empat bukit yang kedudukannya berjauhan di antara satu sama lain. Maka, ketersampaian pengaruh dialek Siam itu menjadi mudah ekoran faktor sempadan Baling yang berdekatan dengan daerah Sik. Hal yang lain terjadi di bahagian selatan, barat dan timur daerah Baling. Kawasan-kawasan ini menunjukkan ketiadaan pengaruh Siam di dalamnya melalui variasi leksikal dan sebutan yang ditemui hasil daripada temu bual dengan responden di kawasan-kawasan tersebut. Dengan kata lain, penutur setempat menggunakan dialek Kedah standard. Perkara ini disebabkan oleh Baling bersempadan dengan daerah Kuala Muda, Kulim dan negeri Perak di bahagian-bahagian tersebut. Ini membuktikan bahawa aspek geografi memainkan peranan penting dalam menunjukkan perubahan dialek setempat yang mula berasimilasi dengan dialek Siam.

Apa yang dapat disimpulkan menerusi faktor bentuk muka bumi ialah daerah Kubang Pasu, Padang Terap dan Baling memaparkan keberadaan kawasan bentuk muka bumi yang kompleks telah menghalang kemasukan pengaruh Siam, khususnya kawasan bukit-bukau dan pergunungan yang padat di sekitarnya. Semakin padat kawasan bukit-bukau dan pergunungan ini di sesebuah kawasan itu, semakin terbatas pengaruh Siam untuk sampai ke kawasan tersebut. Hal ini dapat dibuktikan menerusi daerah Sik. Menerusi Rajah 5, daerah Sik merupakan satu-satunya daerah yang tidak padat dengan kawasan bukit-bukau dan pergunungan. Kawasan bertanah tinggi ini tidak tertumpu dalam satu-satu perimeter sahaja, sebaliknya melibatkan jarak yang jauh antara satu kawasan dengan kawasan yang lain. Dengan erti kata lain, bentuk topografi yang berbukit dan bergunung telah menghalang asimilasi dialek Siam dan dialek Kedah di daerah ini. Perkara ini ditunjukkan dengan pembuktian leksikal, iaitu varian [ta^w?] dan [ta^ho?] tidak dapat ditemukan di daerah Sik.

Selain faktor persempadanan dan faktor bentuk muka bumi, terdapat juga faktor sejarah yang perlu dititikberatkan. Hal ini turut dinyatakan oleh Nur Habibah et al. (2024) yang berpendapat bahawa sejarah, manusia dan bahasa tidak dapat dipisahkan, maka tiga aspek ini sering dijadikan pertalian yang berkaitan untuk dibincangkan oleh sarjana dialektologi. Catatan sejarah menunjukkan bahawa daerah Kubang Pasu pada suatu masa dahulu merupakan sebuah kerajaan yang tersendiri, iaitu tidak berada di bawah pentadbiran Kedah apabila Tengku Anom ditabalkan sebagai Raja Kubang Pasu (Asmah, 2019; Hazman & Mohd Kasturi, 2020). Perkara ini diperakui oleh Asmah (2019) yang menyatakan bahawa Kubang Pasu, Perlis dan Setul boleh berhubung terus dengan Siam dan perlu menghantar bunga emas serta bunga perak secara berasingan daripada kerajaan Kedah. Hal ini juga menjelaskan bahawa daerah Kubang Pasu merupakan kawasan yang paling banyak ditemukan varian 'baling' berbanding daerah-daerah lain, iaitu sebanyak 11 varian termasuklah [pungaj], [balin], [lempaʃ], [taoʔ], [təŋalɔŋ], [hawen], [tudʒu], [ta^hoʔ], [məŋkalɔŋ], [lɔntaʃ] dan [t^hum].

Bukan itu sahaja, faktor perpindahan dan migrasi turut memainkan peranan dalam fenomena kewujudan pengaruh Siam dalam dialek Melayu Kedah. Migrasi besar-besaran orang Siam, khususnya orang Patani ke Kedah bagi mencari perlindungan sebelum dan selepas Perang Dunia Kedua berlaku. Sebagai contoh, peristiwa pemberontakan di Patani semasa pemerintahan

Sultan Ahmad Tajudin Halim Shah yang berlaku sekitar tahun 1706 sehingga tahun 1710 dan peristiwa penentangan Dusun Nyor di Narathiwat pada tahun 1948. Perkara ini disokong dengan pernyataan Shukri dan Zaimilah (2020), iaitu ramai orang Melayu menjadi pelarian di Kedah, Pulau Pinang, Seberang Perai hingga ke Perak dan Sumatera. Hal ini selari dengan pendapat Asmah (2015) yang menyatakan bahawa perpindahan orang Patani ke Kubang Pasu, Padang Terap, Sik dan Baling telah menjadikan daerah-daerah ini sebagai kawasan peralihan dialek antara dialek Kedah dan dialek Patani.

Rentetan daripada dua peristiwa pemberontakan dan penentangan yang berlaku seperti yang dinyatakan, sebahagian rakyat mencari perlindungan di kawasan tanah tinggi dan pergunungan. Pergerakan tentera musuh menjadi sukar di kawasan berbukit dan bergunung, menyebabkan rakyat yang melarikan diri sukar dikesan. Hal yang sama dinyatakan oleh Fazal Mohamed dan Amir Imran (2019), iaitu semasa berlakunya perang pada zaman dahulu kawasan bukit dan gunung menjadi tempat berlindung bagi orang Siam dan Patani yang lari dari negara tersebut. Justeru itu, rakyat yang berjaya melarikan diri di kawasan ini membina perkampungan dan pertempatan. Oleh yang demikian, pengaruh Siam dapat masuk ke beberapa kawasan di daerah bersempadan ini.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, kajian mendapati bahawa wujudnya pengaruh Siam dalam dialek Melayu Kedah yang dituturkan oleh penduduk di kawasan sempadan Kedah-Thailand. Hal ini dibuktikan dengan kewujudan varian-varian seperti [tʰɔʔ], [tʰwʔ], [pʊŋgə] dan [tʰum] yang menggambarkan perbuatan 'baling'. Varian-varian ini menunjukkan leksikal yang telah berasimilasi dengan varian setempat, varian yang terdapat dalam dialek Melayu Patani dan leksikal asli dalam bahasa Thai. Penutur dialek Kedah yang berada di daerah bersempadan Kedah-Thailand secara tidak langsung telah menggunakan dialek setempat bersama dengan bahasa Thai yang dapat dilihat sama ada melalui perubahan fonologi mahupun perubahan makna perkataan. Walaupun hampir kesemua responden mendapat pendidikan formal di Malaysia, tidak dapat dinafikan akan kewujudan pengaruh dialek Siam ini khususnya dalam aspek sebutan dan leksikal. Persempadanan menjadi salah satu faktor terkuat dalam fenomena kewujudan pengaruh Siam ini. Tambahan pula, mereka yang menetap di kawasan sempadan boleh memasuki negara Thailand tanpa perlu menggunakan passport, sebaliknya diberikan kelonggaran untuk sekadar memohon pas sempadan. Perkara ini menguatkan lagi pengaruh Siam untuk bertapak di Malaysia, khususnya dalam bahasa yang digunakan setiap hari dan untuk tujuan berkomunikasi.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2002). *Tesaurus Bahasa Melayu*. Batu Caves: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri. (2016). *Sejarah Kedah Dua Millenia*. Sintok: UUM Press.
- al-Rojaie, Y. (2021). The effect of age and gender on the perceptions of linguistic variation in the Qassimi Arabic dialect. *Dialectologia*. 26, 1-26.
- Asmah Haji Omar. (1985). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Asmah Haji Omar. (2015). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Edisi ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2019). *Bahasa Melayu di daratan Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chamber, J.K. & Trudgill, P. (1998). *Dialectology*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Creswell, J.W. & Creswell, J.D. (2023). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Method Approaches*. Edisi ke-6. California: Sage Publications Inc.
- Darwalis Sazan, Md Zahril Nizam Md Yusoff & Noriah Mohamed. (2019). Analisis fonologi subdialek Melayu Kedah Kunluang dalam wayang kulit Seri Asun. *Jurnal Bahasa*. 19(2), 169-198.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Amir Imran Jamil. (2019). Variasi leksikal dialek Melayu di negeri Kedah: kajian Geolinguistik. *GEOGRAFIA Online™ Malaysian Journal Society and Space*. 15(4), 16-29. <https://doi.org/10.17576/geo-2019-1504-02>
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Nur Affika Ahmad. (2020). Kata kerja bantu dalam dialek Melayu Kedah: analisis program Minimalis. *Jurnal Bahasa*. 20(1), 79-108. [https://doi.org/10.37052/jb.20\(1\)no4](https://doi.org/10.37052/jb.20(1)no4)
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Lam, K.C., Al-Amril Othman & Amir Imran Jamil. (2021). Warisan tak ketara: kajian dialek Melayu Kedah. *Journal of Education and Social Sciences*. 18(1), 5-14.
- Fippinger, J. & Fippinger, D. (1970). Black Tai phonemes with reference to White Tai. *Anthropological Linguistics*. 12(3), 83-97.
- Gunay Aktas, S., Boz, E., Kantar, Y. M., & Okuyucu, A. (2021). Relationship between dialect features and local sub groups. *Turk Dili Arastirmalari Yilligi-Belleten*. 72, 159-183. <https://doi.org/10.32925/day.2021.66>
- Harishon Radzi, Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan, Hayati Lateh & Anati Hamidah Arifin. (2018). Tahap pemahaman leksikal kata kerja dialek Melayu Kedah di Pulau Tuba dan Satun. *Jurnal Melayu*. 17(1), 74-93.
- Hazman Hassan & Mohd Kasturi Nor Abd Aziz. (2020). *Salasilah Perlis: Asal Usul Pemerintahan Jamalullail*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Dahaman, Abdul Jalil Anuar, Nor Hazizan Talib, Ab. Halim Salleh, Saidun Shaari, Saad Taib & Mohaini Mohd. Saffar. (2015). *Glosari Dialek Kedah*. Edisi ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hussein. (1973). Malay dialect in the Malay peninsula. *Nusantara*, 3, 69-79.
- Ismail Ibrahim. (2008). *Sejarah Kedah Sepintas Lalu*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.
- Khairul Ashraaf Saari, Nor Hashimah Jalaluddin & Fazal Mohamed Mohamed Sultan. (2022). Analisis vokal /a/ di akhir kata dalam dialek Melayu di Hilir Pahang. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 22(4), 142-159. <http://doi.org/10.17576/gema-2022-2204-09>
- Khoo Kay Kim. (1983). *Beberapa Aspek Sejarah Kedah*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Khuarul Nisaa Abdul Majid & Ngui, C.Y.K. (2018). Perubahan sosial masyarakat Siam di Pendah, P.Kedah. *Jurnal Wacana Sarjana*. 2(1), 1-15.
- Mashetoh Abd. Mutalib, Hishamudin Isam, Yuzniza Yaakub & Marzalina Mansor. (2021). Mengkonsepsikan kata adjektif sifat dalam dialek Kedah. Prosiding Rentas 2021 Bahasa,

- Sastera dan Budaya Melayu: Bahasa, Sastera dan Budaya Mendepani Cabaran Pembinaan Negara Bangsa, 2-3 Jun, Sintok e-ISSN 2785-8014.
- Mashitah Taharin, Rahmah Ja'afar & Noraini Abd. Shukor. (2005). *Tesaurus Bahasa Melayu Dewan*. Edisi ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Tarmizi Hasrah & Mohamad Khairulanwar Abdul Ghani. (2021). Dialek Melayu Baling: satu pemerian awal. *Jurnal Bahasa*. 21(1), 193-216. [https://doi.org/10.37052/jb21\(2\)no2](https://doi.org/10.37052/jb21(2)no2)
- Muhammad Anas Ismail. (2016). Aspek fonologi subdialek Patani di Kedah. Tesis sarjana tidak terbit, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Adriana Santa Tinggom, Siti Noraini Hamzah & Hayati Lateh. (2019a). Penyebaran dialek Melayu Satun di Langkawi dan di Thai: satu kajian perbandingan berasaskan *Geographical Information System (GIS)*. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 19(1), 77-96. <http://doi.org/10.17576/gema-2019-1901-05>
- Nor Hashimah Jalaluddin, Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Harishon Radzi & Khairul Ashraaf Saari. (2019b). Penyebaran pengaruh dialek Melayu Thai di Malaysia: analisis GIS. *Journal of Nusantara Studies*. 4(2), 362-389. <https://doi.org/10.24200/jonus.vol4iss2pp362-389>
- Nor Hashimah Jalaluddin, Maizatul Hafizah Abdul Halim, Harishon Radzi & Junaini Kasdan. (2017). Penyebaran dialek Melayu di Langkawi: analisis Geolinguistik. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 17(4), 159-176. <http://doi.org/10.17576/gema-2017-1704-11>
- Nor Hashimah Jalaluddin, Wan Athirah Adilah Wan Abdul Halim & Harishon Radzi. (2021). Sorotan dialek di Terengganu selepas tiga dekad: perspektif geolinguistik. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 21(3), 77-102. <http://doi.org/10.17576/gema-2021-2103-05>
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2015). Penyebaran dialek Patani di Perak: analisis Geolinguistik. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. 8(2), 310-330.
- Nur Faslin Sulaiman. (2015). *Sistem fonologi subdialek Baling*. Tesis sarjana tidak terbit, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Nur Habibah C.R., Shahidi A.H. & Rahim Aman. (2024). Analisis sejarah fonologi dan pengelompokan dalaman dialek Hulu Perak Utara Purba (DHPUP). *Jurnal Melayu. Isu Khas Disember*, 229-245.
- Nur Husnina Zahari. (2022). *Unsur-unsur dalam kesalingfahaman dalam dialek Kedah di antara generasi tua dan muda di Kg. Sungai Udang Yan, Kedah*. Projek penyelidikan sarjana muda, Universiti Malaysia Kelantan, Bachok, Malaysia.
- Nurmiza Zulaikha Hamzah, Hasnah Awang & Fauziah Hanim Md. Yusof. (2023). Pengaruh dialek Kedah terhadap fonetik dan leksikal kata soal pelajar PISMP: satu kajian kes. Kertas kerja dibentangkan dalam I-RoLE 2023. Melaka, Universiti Teknologi MARA, Mac.
- Nurul Atikah Marshid & Sa'adiah Maalip. (2018). Pemilihan bahasa dalam masyarakat multilingual Siam Peranakan di Alor Setar, Kedah. *Jurnal Wacana Sarjana*. 2(2), 1-14.
- Nurul Shahida Jamil & Maslida Yusof. (2015). Analisis deiksis dialek Kedah. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 15(1), 163-187.
- Pittayaporn, P. (2009). *The phonology of Proto-Tai*. Tesis PhD tidak terbit, Cornell University, New York, Amerika Syarikat.
- Ruslan Uthai. (2011). *Keistimewaan dialek Melayu Patani*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Salmah Jabbar, Nor Azizah Abu Bakar, Noresah Baharum & Fadilah Jasmani (pnyt.). (2020). *Kamus Dewan Perdana*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Shahidi A.H., Ain Afifah Latiff, Muhammad Syahmi Sabri, Muhamad Faiz Fauzi & Riduan Makhtar. (2020). Penelitian akustik dialek Kedah. *Jurnal Melayu. Isu Khas*, 577-594.
- Shahidi A.H., Mohamad Firdaus Azaharuddin & Rahim Aman. (2024). Selayang pandang kajian variasi dialek Melayu berasaskan kaedah tradisi dan moden. *Jurnal Melayu*. 23(1), 1-17.
- Sheikh Othman Sheikh Salim (pnys.). (2007). *Kamus Dewan*. Edisi ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shukri Janudin & Zaimilah Yusoff. (2020). Laksamana Wan Ismail bin Wan Muhammad Long: Pahlawan Kedah di Kerian dalam Perang Musuh Bisik 1821-1842. *Jurnal Dunia Pengurusan*. 2(3), 47-61.
- Siti Noraini Hamzah. (2017). Penyebaran leksikal dialek Melayu di Perak: analisis Geolinguistik. Tesis Ph.D tidak terbit, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.
- Siti Nur Izzaty Salit, Harishon Radzi & Siti Noraini Hamzah. (2024). Pengekalan dan peralihan dialek di Baling, Kedah: kajian GIS. *International Journal of Malay World and Civilization*. 12(3), 50-68. <https://doi.org/10.17576/jatma-2024-1203-05>
- Slayden. (n.d). Internet resource for the Thai language. Dicapai Jun 4, 2024 daripada <http://www.thai-language.com/>
- Tamma, S. (2022). Techniques of designing modern Linguistics mapping. *Linguistics Issues*. 3(1), 108-115.
- Udasmora, W., Yuwono, J.S.E., Sulistyowati & Firmonasari, A. (2023). The preservation of the Javanese language in the special region of Yogyakarta. *Indonesia Journal of Geography*. 55(1), 59-68. <https://doi.org/10.22146/ijg.68183>
- Villette, J., Burrenhult, N., & Purves, R. S. (2022). Maps meet myths: understanding Jahai place naming through Geographical Information Systems. *Journal of Linguistics Geography*. 10, 1-10. <https://doi.org/10.1017/jlg.2021.11>
- Wan Khairulhusna Wan Mokhtar & Mohd. Sharifudin Yusop. (2019). Tipologi keterancaman dialek Melayu Patani di Chepir, Sik, Kedah. *International Journal of Humanities, Philosophy, and Language*. 2(8), 128-149. <https://doi.org/10.35631/ijhpl.280010>
- _____. (2019). Dialek Patani (3). Dicapai pada Oktober 29, 2024 daripada <https://suararakyat1785.blogspot.com/2019/06/dialek-patani-3.html>
- _____. (2022). Kedah Map, Map of Kedah State, Malaysia. Dicapai Ogos 28, 2024 daripada <https://www.mapsofworld.com/malaysia/states/kedah-map.html>

PENULIS

Siti Nur Izzaty Salit merupakan pelajar Doktor Falsafah dalam program Linguistik di Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Harishon Radzi (Ph.D) merupakan pensyarah kanan di Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, UKM. Bidang kepakaran beliau ialah morfologi dan geolinguistik.

Siti Noraini Hamzah (Ph.D) merupakan pensyarah kanan di Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, UKM. Bidang kepakaran beliau ialah semantik dan geolinguistik.